

Corporate Responsibility

Tanggungjawab Korporat



In 2007, your Company has published its first stand alone CR report retrievable at: http://www.heitech.com.my/documents/htp_cr2007.pdf. This CR report provides the supplemental activities that your Company have undertaken thus far.

As a leading ICT solutions provider, your Company has demonstrated gradual progress on its CR activities. The key area of your Company's CR lies mainly on human capital, education and nation building. On philanthropic note, your Company's contribution towards CR for the nation has marked the excess of RM500,000 for the year 2007 under review. The recipients of our CR's contribution ranges from associations, societies, conference organizers, schools, non-governmental organization, orphanage, private institutions to universities.

Pada 2007, Syarikat anda telah menerbitkan laporan CR pertama yang boleh didapati di: http://www.heitech.com.my/documents/htp_cr2007.pdf. Laporan CR ini mengandungi aktiviti-aktiviti tambahan yang telah dibuat oleh Syarikat anda setakat ini.

Sebagai Peneraju dalam industri ICT, Syarikat anda telah menjalankan aktiviti-aktiviti CR secara berterusan. Fokus utama CR Syarikat anda terarah kepada sektor modal insan, pendidikan, dan pembangunan negara. Dari sudut kemanusiaan, Syarikat anda telah menyumbang lebih daripada RM500,000 kepada negara untuk tahun 2007. Penerima sumbangan CR kami merangkumi kesatuan, persatuan, persidangan, penganjuran, sekolah, badan bukan kerajaan, rumah anak-anak yatim, institusi persendirian dan juga institusi pengajian tinggi.



- Contribution to Yayasan Al-Khadeem
Sumbangan kepada Yayasan Al-Khadeem

Corporate Responsibility


Tanggungjawab Korporat

Transforming human capital

Your Company has undergone a transformation agenda through its resources. Throughout 2007, there are series of activities that took place. Amongst others, 360 Degree Management Survey which is meant to provide a balanced and fair analysis of your Company's leadership and human capital relations. The result of the Survey is served as useful guidance to all of your Company's resources in managing their Key Performance Indicators ("KPIs"). In addition, internal satisfaction survey had also taken place as to enhance the quality of services that are rendered by the staff to their stakeholders, internally and externally.

Merubah Modal Insan

Syarikat anda telah melalui agenda transformasi melalui sumbernya. Sepanjang tahun 2007, beberapa aktiviti telah dijalankan. Di antaranya ialah, tinjauan pengurusan 360 Darjah yang bertujuan untuk memberikan analisa yang adil dan saksama terhadap kepimpinan dan hubungan modal insan Syarikat anda. Hasil tinjauan ini telah memberikan panduan kepada seluruh kakitangan Syarikat anda dalam mengurus Indeks Prestasi Utama ("KPI"). Selain itu, tinjauan kepuasan dalaman juga telah dilakukan sebagai satu usaha untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan kakitangan kepada pelanggan samada dari dalam atau luar syarikat.



Ongoing human capital training has also been the cornerstone to enhancing your Company's resources competency. Trainings have been focused through an engaging e-learning gateway within your Company. The resources are entitled with accumulated e-learning credit hours. This is in line with your Company's aim to instil a culture of excellence. Empowerment of leadership and accountability has been the major focus of your Company's transformation agenda. Series of leadership trainings for various levels are conducted by the Malaysian Institute of Management for your Company's resources.

Your Company rewards its resources through a performance based system that is linked with your Company's business plan and target. Individual KPIs are designed and monitored as to ensure your Company's resources are effectively performing their portfolio. Bonus rewards and increments are determined based on the outcome of the appraisal evaluation process.

Latihan modal insan yang berterusan telah banyak membantu dalam memperbaiki tahap kecekapan kakitangan Syarikat anda. Latihan telah difokuskan melalui sistem e-learning yang digunakan oleh Syarikat anda. Kredit jam diberikan kepada kakitangan yang menggunakan e-learning. Usaha ini selaras dengan sasaran Syarikat anda untuk menerapkan budaya cemerlang. Penguasaan terhadap kepimpinan dan integriti telah menjadi fokus utama dalam agenda transformasi Syarikat anda. Beberapa siri latihan kepimpinan merangkumi berbagai peringkat telah dijalankan oleh Institut Pengurusan Malaysia bagi memantapkan lagi kakitangan Syarikat anda.

Syarikat anda memberikan ganjaran kepada kakitangannya melalui sistem berasaskan prestasi berdasarkan kepada pelan perniagaan dan sasaran Syarikat anda. KPI individu telah diwujudkan dan dipantau bagi memastikan kakitangan Syarikat anda melaksanakan portfolio mereka dengan berkesan. Ganjaran bonus dan kenaikan gaji serta pangkat ditentukan berdasarkan kepada hasil proses penilaian prestasi.

Corporate Responsibility

Tanggungjawab Korporat

Transforming the future generation through education

Your Company emphasizes education as an invaluable asset. The ongoing effort that your Company has been engaging is through the English Educational Series (“EES”) Software. Throughout 2007, your Company via its subsidiary, Educational Trend Sdn. Bhd. (“ETSB”) has installed EES to selected suburb primary and secondary schools of peninsular Malaysia. Your Company and ETSB contributed towards the training and technical support of EES to the school teachers. The ultimate aim is to laud the Government of Malaysia’s educational transformation programmes on the usage of English Language in Science and Mathematics. The schools that utilised our EES Software are:-

- SK Batu Melintang, Jeli, Kelantan Darul Naim
- SMK Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan Darul Naim
- SK Perupok, Bachok, Kelantan Darul Naim
- SK Balok, Kuantan, Pahang Darul Makmur
- SK Pekan Jaya, Pahang Darul Makmur
- SK Sg Burong, Tanjung Karang, Selangor Darul Ehsan
- SMK Ungku Husin, Endau, Pahang Darul Makmur
- SK Pusat Air Tawar, Endau, Pahang Darul Makmur
- SK Bandar T6, Kluang, Johor Darul Takzim
- SK Kahang, Kluang, Johor Darul Takzim
- SK Planggu, Rompin, Pahang Darul Makmur
- SK Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang
- SK Permatang Sintok, Kepala Batas, Pulau Pinang

Besides the EES, your Company is also actively engaging itself to champion potential CR activities for two (2) schools; Sekolah Kebangsaan Kertau and Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan, both in Pahang Darul Makmur. These schools shall be engaged with dedicated CR activities such as personal development, English Camp, motivational course, sports and team building.

Merubah generasi masa depan melalui pendidikan

Syarikat anda mengutamakan pendidikan sebagai aset yang berharga. Antara usaha berterusan yang digunakan oleh Syarikat anda ialah melalui Perisian Siri Pembelajaran Bahasa Inggeris (“EES”). Sepanjang tahun 2007, Syarikat anda menerusi anak syarikatnya, Educational Trend Sdn. Bhd. (“ETSB”) telah memasang EES di sekolah-sekolah rendah dan menengah luar bandar yang terpilih di semenanjung Malaysia. Syarikat anda dan ETSB turut memberikan sumbangan dalam bentuk latihan dan sokongan teknikal EES kepada guru-guru sekolah. Matlamat utama Syarikat anda ialah untuk menggalakkan program transformasi sistem pendidikan Malaysia dalam penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik. Antara sekolah-sekolah yang menggunakan Perisian EES adalah:-

- SK Batu Melintang, Jeli, Kelantan Darul Naim
- SMK Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan Darul Naim
- SK Perupok, Bachok, Kelantan Darul Naim
- SK Balok, Kuantan, Pahang Darul Makmur
- SK Pekan Jaya, Pahang Darul Makmur
- SK Sg Burong, Tanjung Karang, Selangor Darul Ehsan
- SMK Ungku Husin, Endau, Pahang Darul Makmur
- SK Pusat Air Tawar, Endau, Pahang Darul Makmur
- SK Bandar T6, Kluang, Johor Darul Takzim
- SK Kahang, Kluang, Johor Darul Takzim
- SK Planggu, Rompin, Pahang Darul Makmur
- SK Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang
- SK Permatang Sintok, Kepala Batas, Pulau Pinang

Selain EES, Syarikat anda juga turut terlibat secara aktif sebagai peneraju kepada aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial bagi dua (2) buah sekolah; Sekolah Kebangsaan Kertau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan, kedua-duanya di Pahang Darul Makmur. Sekolah-sekolah ini akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial khusus seperti pembangunan sahsiah, Kem Bahasa Inggeris, kursus motivasi, sukan dan juga pembinaan kumpulan.



- CR meetings at SK Kertau & SMK Seri Pekan Mesyuarat CR di SK Kertau & SMK Seri Pekan

Corporate Responsibility

Tanggungjawab Korporat

Transformation via nation building

Your Company has been the regular donor for the Malaysian Blood Centre. This CR effort started since 2001. Fifty percent (50%) of the blood donors are your Company's frequent and repeated blood donors. Almost four hundred (400) of your Company's resources have participated in the blood donation drive.

Transformasi ke arah pembangunan bangsa

Syarikat anda merupakan penderma tetap kepada Pusat Darah Negara. Usaha tanggungjawab sosial ini bermula semenjak tahun 2001. Lima puluh peratus (50%) daripada penderma adalah penderma yang kerap dan berulang. Hampir empat ratus (400) kakitangan Syarikat anda telah mengambil bahagian dalam kempen derma darah ini.



• Blood Donation Drive
Kempen Derma Darah

Your Company's contribution towards nation building also includes the celebration of fifty (50) years of Malaysia - through donation. It is also known as the "Konvoi 50 Tahun Kemerdekaan". Your Company also initiates effective knowledge sharing and dissemination to the stakeholders. For the latter, your Company has been diffusing subject matters such as ICT security, intellectual property rights, data protection and privacy. Your Company has positioned itself being an opinion leader in Malaysia. Invariably, your Company has been active in instilling data protection awareness amongst Malaysians and is involved with various consultations to expedite the Data Protection Bill in the nation's legislative process.

Sumbangan Syarikat anda ke arah pembangunan bangsa juga termasuklah sambutan lima puluh (50) tahun Malaysia - menerusi derma. Ia juga dikenali sebagai Konvoi 50 Tahun Kemerdekaan. Syarikat anda juga telah memulakan langkah ke arah perkongsian ilmu dan penyebaran yang berkesan kepada pihak yang berkepentingan. Penyebaran di atas meliputi perkara yang berkait dengan keselamatan ICT, harta intelek, dan perlindungan data peribadi. Syarikat anda telah meletakkan dirinya sebagai peneraju perkongsian idea di Malaysia. Secara konsisten, Syarikat anda amat aktif dalam menanam kesedaran terhadap kepentingan perlindungan data di kalangan rakyat Malaysia dan terlibat dalam pelbagai bentuk rundingan sebagai usaha mendesak penggubalan Akta Perlindungan Data.